

Malaysia terima tiga notis ancaman dari Kedutaan AS

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri memberitahu, ancaman dan tekanan diterima Malaysia dari negara Barat yang rae nyokong Israel menyaksikan kerajaan menerima tiga notis tata tindak (demarche) daripada Kedutaan Amerika Syarikat (AS), kerana keengganan Malaysia menganggap Hamas kumpulan pengganas.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pihaknya melalui Kementerian Luar telah menerima dua notis pada 13 Oktober dan 30 Oktober lalu.

Bagaimanapun, beliau tidak memperinci tarikh satu lagi notis rasmi yang dihantar terus kepada Duta Besar Malaysia di Washington.

“Oleh kerana keengganan Malaysia membantah tindakan Hamas dan tidak mengangap Hamas sebagai pengganas, saya mendapat maklumat melalui Kementerian Luar sudah menerima demarche iaitu tata tindak daripada Kedutaan AS sebanyak dua kali.

“Kerajaan diminta supaya negara tidak meneruskan dengan pendirian terutama keengganan kita (Malaysia) untuk mengangap Hamas sebagai pengganas.

“Saya telah jawab dalam majlis di stadium sebelum ini dan saya tegaskan Malaysia kekal pendirian bebas kita, memper-



ANWAR Ibrahim ketika sesi Pertanyaan-pertanyaan Perdana Menteri di Parlimen semalam. - JABATAN PENERANGAN

timbang aspek kemanusiaan dan mengangap pencerobohan (Israel) itu haram dari undang-undang dan kaedah antarabangsa,” katanya pada waktu Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat semalam.

Selain itu, Anwar berkata, kerajaan menerima tekanan menyaksikan Duta Besar Malaysia di Washington dipanggil oleh Jabatan Negara (AS).

Katanya, Duta Besar Malay-

sia telah ditekan oleh jabatan negara itu mengenai pendirian Malaysia berkenaan isu kekejaman dan serangan zionis Israel terhadap rakyat di Palestin.

“Duta Besar kita di Washington telah dipanggil oleh Jabatan Amerika Syarikat dan ditekan mengenai pendirian negara berkenaan isu Palestin.

“Bagaimanapun, saya menegaskan, sebagai negara berdaulat, Malaysia berhak menyuarakan pandangan dalam isu

semasa khususnya melibatkan hak kemanusiaan sejagat.

“Meskipun berdepan dengan teguran atau amaran daripada mana-mana pihak, Malaysia tidak akan tunduk kepada sebarang bentuk ugutan,” tegasnya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Suhaizan Kaiat [PH-Pulai] mengenai bentuk ancaman diterima Malaysia daripada negara-negara Barat yang menyokong Israel susulan pendirian Malaysia terhadap Palestin.

Beliau juga bertanya mengenai langkah diambil oleh Malaysia bagi menghadapi segala ancaman supaya tidak memberi kesan terhadap rakyat dan ekonomi negara.

Pada 28 Oktober lalu, Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan Anwar bersikap pengecut selepas mengeluarkan kenyataan diugut negara-negara Barat kerana lantang menyuarakan isu serangan zionis Israel terhadap Palestin.

Beliau ragu-ragu jika ugutan itu benar atau setakat rekaan semata-mata dalam keadaan perang di Gaza itu kini menjadi bahan berita utama di peringkat global.

Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu berkata, jika benar seperti didakwa, Wisma Putra hendaklah mengeluarkan bantahan sekeras-kerasnya menerusi kedutaan negara tersebut.